

## Pembelian panik tidak perlu, bekalan dijamin mencukupi

Mac 17, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**PUTRAJAYA, 17 Mac** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengingatkan masyarakat supaya tidak terus membuat pembelian panik, susulan perintah kawalan pergerakan.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi memberi jaminan bekalan barang keperluan ketika ini mencukupi.

Semua pasaraya, pasar awam, kedai serbaneka dan kedai runcit tetap beroperasi seperti biasa.

Begitu juga dengan premis jualan makanan dan bahan mentah.

Situasi semasa tidak memerlukan stok disimpan, kerana orang ramai masih bebas keluar membeli barang mengikut keperluan masing-masing.

Beliau menjelaskan perkara itu selepas merasmikan cawangan Tealive di bangunan KPDNHEP di Putrajaya.

Pihaknya akan sentiasa memantau harga di pasaran, agar manipulasi mana-mana pihak yang mahu mengambil kesempatan tidak berlaku.